

# SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO



## PENETAPAN JALUR MASA PELAN STRATEGIK UNIMAS 2026-2030

Kota Samarahan, 5 Mac 2025- Perancangan penggubalan Pelan Strategik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) 2026-2030 merupakan satu usaha penting untuk memastikan perkembangan dan kecemerlangan universiti dalam lima tahun akan datang. Pelan strategik ini bertujuan untuk menyusun langkah-langkah yang jelas dalam mencapai visi, misi, dan matlamat UNIMAS, serta menyesuaikan diri dengan perubahan dalam pendidikan tinggi, keperluan pasaran pekerjaan, dan perkembangan teknologi.

Proses penetapan jalur masa ini melibatkan fasa yang menyeluruh melibatkan semua pihak berkepentingan di UNIMAS, termasuk pihak pengurusan, pensyarah, pelajar, serta komuniti luar untuk mengenal pasti cabaran dan peluang yang akan dihadapi oleh universiti dalam tempoh lima tahun akan datang. Dengan kerjasama semua pihak, pelan strategik ini akan memberi impak positif kepada pembangunan UNIMAS dan membolehkan universiti ini terus bersaing di peringkat global.



## PRA BENGKEL SEMAKAN DASAR TATACARA PENGURUSAN RISIKO (DTPR)

Kota Samarahan, 12 Mac 2025- Bengkel Semakan Dasar Tatacara Pengurusan Risiko (DTPR) telah diadakan untuk menilai dan mengenal pasti pindaan yang perlu dilakukan pada dokumen asal dasar pengurusan risiko yang digunakan oleh UNIMAS. Tujuan utama pra-bengkel ini adalah untuk mengenal pasti ketidaksesuaian dalam dokumen sedia ada, dengan fokus khusus pada peralihan pelaporan daripada penggunaan Excel kepada sistem yang lebih meningkatkan ketepatan, kecekapan, dan keberkesanannya dalam pengurusan risiko.





## PEMBENTANGAN DI DALAM ANUGERAH INOVASI DIGITAL PENGURUSAN (INDIP)

SQRC telah mengambil bahagian dalam Anugerah Inovasi Digital Pengurusan (InDIP) yang diadakan sempena Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS 2025 dengan membentangkan projek SPeeD 2.0. Projek ini merupakan kolaborasi SQRC bersama Bahagian Aplikasi Strategik TAHODC di mana sistem ini merupakan sistem yang digunakan untuk memantau Pelan Strategik UNIMAS dan mula digunakan sepenuhnya pada tahun 2024. Pada 18 Mac 2025, kumpulan SQRC bersama 7 kumpulan lain yang terlibat telah diberikan peluang untuk membentangkan projek mereka kepada panel juri.

## MESYUARAT ISMS BIL.1/2025

Mesyuarat ISMS Bil.01/2025 telah diadakan pada 4 Mac 2025 di Bilik Mesyuarat BPPs. Antara agenda yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah tindakan susulan berhubung penemuan audit pemantauan yang dijalankan oleh pihak SIRIM pada November 2024.



## PROGRAM PENGUKUHAN HALA TUJU PENDIDIKAN TINGGI 2025

Program Pengukuhan Halatuju Pendidikan Tinggi 2025 telah diadakan pada 20-21 Mac 2025 di mana ia merupakan satu inisiatif penting yang akan memastikan pendidikan tinggi di Malaysia terus relevan dan bersaing di peringkat antarabangsa. Dengan melibatkan semua pihak yang berkepentingan dalam pendidikan, program ini bertujuan untuk menghasilkan graduan yang berdaya saing, inovatif, dan siap menghadapi cabaran global.


# PROGRAM SQRC MAC 2025

Bil	Perkara	Tarikh
1.	Perbincangan Susulan Mesyuarat Pentadbiran SQRC Bil.1/2025	3/3/2025
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Maklumat (ISMS) Bil.1/2025	4/3/2025
3.	Penetapan Jalur Masa Pelan Strategik UNIMAS 2026-2030	5/3/2025
4.	Perbincangan Analisis Data Risiko Projek Komersial UNIMAS	5/3/2025
5.	Pra Bengkel Semakan Dasar Tatacara Pengurusan Risiko (DTPR)	12/3/2025
6.	Technical Training: Risk Register (Sesi 1- PPPA & UNIC)	17/3/2025
7.	Technical Training: Risk Register (Sesi 2 - UEC)	18/3/2025
8.	Pembentangan Anugerah Inovasi Digital Pengurusan (INDIP)	18/3/2025
9.	Technical Training: Risk Register (Sesi 4 – AT2HB & CGS)	20/3/2025
10.	Technical Training: Risk Register (Sesi 5 – PeTARY & FK)	21/3/2025
11.	Program Pengukuhan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2025	20-21/3/2025
12.	Penghantaran Data THE World Universiti Ranking 2026	30/3/2025

## PENGURUSAN & PENTADBIRAN

**Pengarah**, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir Dr Marini Sawawi | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu & Puan Dayang Zuliana Abang Abd Rahman | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

## SOROTAN AKTIVITI



STRATEGIC PLANNING, QUALITY  
& RISK MANAGEMENT CENTRE

Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko  
Universiti Malaysia Sarawak  
Aras 3, Canselori  
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia  
<http://www.sqrc.unimas.my/>